



PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 10 NOVEMBER 2009

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 6, 10 HINGGA 37)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5

NO. 7 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO: 6

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2009
RUJUKAN : 2103

SOALAN :

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a)bilangan saman yang dikeluarkan kepada pemandu kenderaan yang memandu dengan kelajuan perlahan dari Januari 2008 hingga Jun 2009 ; dan

(b)adakah Kerajaan sudah menjalankan kajian peningkatan kemalangan jalan raya disebabkan oleh pemandu yang memandu dengan kelajuan perlahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Buntar yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a), bilangan saman yang dikeluarkan kepada pesalah-pesalah lalu lintas yang memandu secara perlahan di jalan raya bagi tempoh 2008 hingga Jun 2009 adalah sebanyak 6,076 saman.

Tuan Yang Dipertua,

Sehubungan dengan kajian peningkatan kadar kemalangan akibat pemanduan perlahan, tiada kajian dibuat setakat ini kerana pihak polis tidak mempunyai rekod atau maklumat berkaitan kemalangan tersebut.

Tindakan penguatkuasaan pihak polis ke atas pemandu yang memandu secara perlahan dibuat berdasarkan tindakan pemandu berkenaan yang:

- i) menghalang kenderaan lain untuk memotong dan berjalan terus; dan
- ii) menimbulkan kegusaran kepada pemandu lain

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)
TARIKH : 10.11.2009
NO. SOALAN : 10

PUAN ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan punca kekurangan gula di pasaran. Nyatakan senarai pengeluaran gula berlesen, jumlah subsidi dan jumlah kes penyeludupan serta penyorokan gula dan apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi kekurangan gula di pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa memastikan keperluan pengguna mencukupi terutamanya menjelang musim perayaan. Namun begitu, masih terdapat kes kekurangan gula terutamanya di musim perayaan. Antara punca yang telah dikenalpasti adalah:

- (i) peningkatan permintaan gula meningkat berbanding bulan-bulan sebelumnya berikutan persediaan menghadapi musim perayaan;
- (ii) pembelian secara panik oleh pengguna akibat spekulasi kenaikan harga gula;

- (iii) terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membeli gula dalam kuantiti yang besar melebihi keperluan untuk mengaut keuntungan;
- (iv) industri makanan dan minuman membeli dan menyimpan gula yang lebih dari kebiasaan untuk memastikan pengeluaran tidak tergendala;
- (v) Harga gula di Malaysia adalah jauh lebih rendah iaitu RM 1.45/kg berbanding harga di negara-negara jiran menyebabkan aktiviti penyeludupan berlaku. Perbezaan harga gula di negara-negara jiran adalah seperti berikut:-

Malaysia	: RM1.45/kg
Singapura	: RM3.13/kg
Filipina	: RM2.85/kg
Thailand	: RM2.31/kg
Indonesia	: RM2.62 – 2.79/kg

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini hanya terdapat empat (4) pengilang gula di Malaysia iaitu Central Sugars Refinery Sdn. Bhd. (CSR), Malayan Sugar Manufacturing Co. Bhd. (MSM), Gula Padang Terap Berhad (GPT) dan Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd. (KGFP).

Sebelum tahun 2009, subsidi tidak diberikan untuk komoditi gula. Jumlah subsidi gula yang diperuntukkan bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM720 juta (RM345 juta melalui kelulusan MOF dan RM375 juta melalui Pakej Ransangan Ekonomi Kedua 2009).

Pembayaran subsidi hanya untuk jualan domestik bagi gula putih bertapis kasar dan halus sahaja . Pemberian subsidi diperuntukkan bagi mengurangkan beban rakyat berikutan kenaikan harga gula mentah dan kemerosotan ekonomi dunia pada tahun 2009. Ini selaras dengan konsep Rakyat didahulukan.

Turut tidak dinafikan berlakunya kegiatan penyeludupan dan penyorokan kerana gula bersubsidi Malaysia yang jauh lebih murah berbanding harga gula di negara-negara jiran. Mulai pada 1 Julai 2009 hingga 19 Oktober 2009 sebanyak 55 kes telah direkodkan atas kesalahan menyorok dan kegiatan penyeludupan gula. Dari jumlah tersebut sebanyak 139.393 m/tan gula disita dengan rampasan bernilai RM 215,093.15

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah dan terus mengambil langkah bagi mengatasi kekurangan gula di pasaran, antaranya;

- i) menempatkan pegawai penguatkuasa di setiap kilang gula di negara ini bagi memantau segala aktiviti di kilang seperti merekod kuantiti yang dihasilkan setiap hari sehingga memeriksa ke mana gula dihantar serta memastikan penghantaran kepada pemborong berjalan lancar dari sampai;
- ii) menjalankan pengoditan terhadap pemborong gula dan pemeriksaan ke atas peruncit bagi memastikan bekalan mencukupi di samping membantu peruncit mendapatkan bekalan gula daripada pemborong lain;

- iii) aktiviti penguatkuasaan dan kawalan di sempadan negara diperketatkan bagi melarang eksport gula keluar Malaysia terutama melalui jalan darat;
- iv) mempergiatkan risikan dan serbuan bagi membanteras aktiviti penyelewengan terutama penyorokan gula;
- v) menempatkan pegawai penguatkuasa di pasaraya dan hypermarket bagi memantau dan menyekat pembelian gula oleh pengguna secara berlebihan;
- vi) membuka bilik gerakan bagi memantau pelaporan bekalan dari pekilang serta berfungsi sebagai saluran aduan dari peniaga dan orang ramai; dan
- vii) menawarkan ganjaran tidak melebihi RM10,000 kepada pemberi maklumat mengenai kegiatan penyelewengan gula;

Diharapkan dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ini akan dapat membendung penyeludupan serta penyorokan dan seterusnya akan dapat menjamin bekalan gula sentiasa mencukupi di seluruh negara.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK TIONG THAI KING
(LANANG)
TARIKH : 10 NOVEMBER 2009
SOALAN :

minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan Kementerian telah memberi banyak peruntukan kepada negeri Sarawak untuk memajukan kawasan luar bandar terutamanya bekalan air dan elektrik. Kenapakah kawasan Parlimen Lanang belum mendapat manfaat walaupun permohonan dikemukakan setiap tahun.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedar bahawa masalah kemudahan asas bekalan air dan bekalan elektrik di negeri Sarawak khususnya di kawasan parlimen Lanang belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Oleh itu, dalam usaha untuk memastikan semua kampung serta rumah-rumah panjang di seluruh negara mendapat bekalan air dan elektrik yang baik, Kementerian akan berusaha meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Air luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di bawah RMKe10.

Dari segi kaedah pelaksanaan sekiranya sesuatu kawasan itu tidak ekonomik untuk dibekalkan elektrik secara sambungan talian grid dan bekalan air secara sambungan paip retikulasi, Kementerian akan melaksanakannya secara sistem alternatif seperti solar hibrid, mikro hidro dan *wind turbine* bagi projek BELB dan

gravity feed, telaga tiub dan lain-lain lagi bagi projek BALB mengikut kesesuaian sesuatu kawasan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, senarai projek yang dilaksanakan merupakan senarai yang telah dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak (KPLB) dan Syarikat SESCo Berhad (SESCo) bagi projek BELB. Manakala untuk projek BALB senarai projek dimuktamadkan oleh Kementerian Kemudahan Awam (KKA) Sarawak, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak dan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN).

Untuk makluman Yang Berhormat, pemilihan kampung dibuat berdasarkan beberapa kriteria utama seperti jarak sesebuah kampung/rumah dari talian elektrik atau paip utama sedia ada. Selain itu, bagi pelaksanaan projek BELB, keupayaan bekalan elektrik oleh SESCo di kawasan berkenaan jua perlu diambil kira. Perkara ini penting kerana skop pelaksanaan projek BELB adalah pembinaan infrastruktur sehingga ke had maksimum 33kV sahaja. Sehubungan itu, sekiranya kedudukan sesebuah kampung terlalu jauh atau kapasiti bekalan elektrik oleh SESCo telah mencapai tahap maksimum, Kementerian tidak dapat meneruskan pelaksanaan projek bagi mengelakkan masalah susutan beban bekalan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)

TARIKH : 10 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Kuantan) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengapakah satu indeks kesaksamaan gender tidak diterapkan ke dalam Petunjuk Prestasi Utama Kementerian sebagai bukti usaha sungguh-sungguh merealisasikan komitmen Kerajaan terhadap kesaksamaan gender dalam semua ruang lingkup kehidupan rakyat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan yang menyatakan bahawa tiada satu indeks kesaksamaan gender diterapkan ke dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah tidak benar. Ini adalah kerana, salah satu *Key Result Areas* (KRA) bagi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah berkaitan kesaksamaan gender iaitu untuk memperkasakan wanita. Antara rasional penetapan KRA ini adalah untuk meningkatkan ekonomi wanita bagi membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan negara serta untuk

mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Wanita Negara 2009. Sebanyak dua KPI telah ditetapkan bagi mengukur KRA ini iaitu:

- (i) peratusan wanita yang diberi latihan penjagaan kanak-kanak di rumah menjadi usahawan; dan
- (ii) peratusan ibu tunggal yang menjadi usahawan (Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal).

Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua program ini adalah di bawah pelaksanaan dan pemantauan KPWKM dengan kerjasama beberapa agensi Kerajaan yang berkaitan. Kini, kedua-dua program ini telah hampir mencapai sasaran KPI Kementerian yang telah ditetapkan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Ismail bin Kasim (Arau)
TARIKH : 10 November 2009 (Selasa)
SOALAN : Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan:-

Sejauh manakah keberkesanan Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) di 222 kawasan Parlimen yang ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu meningkatkan pendapatan petani dan mengurangkan kadar kemiskinan dalam usaha Kerajaan untuk mengukuhkan industri pertanian negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menubuhkan Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) yang berperanan sebagai satu mekanisme dalam merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek / program pertanian di peringkat akar umbi. Sehingga kini, sebanyak 222 Pengerusi telah dilantik di kalangan Ahli-Ahli Parlimen dan pemimpin masyarakat tempatan bagi menerajui MPPP. Objektif penubuhan MPPP adalah seperti berikut :-

- i. Memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan tentang projek atau program pertanian yang dilaksanakan di peringkat parlimen masing-masing;

- ii. Mendapatkan idea-idea berhubung dengan projek-projek tanaman, perikanan, ternakan dan industri asas tani yang boleh dilaksanakan di kawasan parlimen masing-masing dengan mengambilkira sumber-sumber yang ada;
- iii. Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah di peringkat pelaksanaan projek-projek pertanian dengan lebih cepat dan berkesan;
- iv. Melaporkan dengan segera segala perkembangan projek pertanian kepada kementerian; dan
- v. Membantu jabatan atau agensi di bawah kementerian dalam memantau pelaksanaan projek-projek pertanian di kawasan parlimen masing-masing.

Walaupun MPPP baru sahaja ditubuhkan mulai bulan September 2009, peranan yang dimainkan oleh mekanisme ini adalah sangat berkesan terutamanya bagi perkara-perkara berikut :-

- i. Membantu kementerian dalam mengenalpasti kumpulan yang benar-benar layak bagi menerima bantuan di bawah Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR);
- ii. Mengenalpasti projek-projek yang berdaya maju serta peserta-peserta yang berpotensi untuk menyertai Program Pembasmian Kemiskinan MOA; dan
- iii. Mengumpulkan maklumbalas berhubung pelaksanaan projek-projek pertanian di kawasan parlimen masing-masing.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)
TARIKH : 10.11.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah hukuman rotan akan diperkenalkan semula sebagai salah satu cara mengurangkan masalah disiplin pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat memandang serius terhadap masalah disiplin yang melibatkan murid sekolah. KPM mengakui walaupun pelbagai kaedah dilakukan untuk menangani masalah disiplin murid ini, kejadian salah laku tersebut masih berlaku. Sehubungan itu KPM bersetuju agar pendekatan secara holistik digunakan iaitu dengan melibatkan pelbagai pihak termasuk ibu bapa dalam membendung masalah tersebut. Ini disebabkan faktor yang mempengaruhi salah laku tersebut adalah pelbagai dan tidak hanya berpunca daripada sekolah sahaja.

Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM dalam membendung salah laku murid. Antaranya;

1. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 khususnya terhadap tatacara hukuman terhadap murid yang melakukan kesalahan disiplin oleh pihak sekolah. Nasihat dan bimbingan sentiasa diberi kepada sekolah agar tindakan yang dibuat adalah betul dan tidak mendatangkan isu ketidakpuasan kepada pihak awam khususnya ibu bapa. Ini termasuklah pematuhan Pekeliling-Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;
2. Melaksanakan **Program Jati Diri** kepada murid yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah khususnya terhadap tindakan buang, gantung sekolah serta kepada murid yang telah dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan berat yang lain;
3. Melaksanakan **Kursus Literasi Undang-Undang kepada Guru Disiplin seluruh negara**;
4. Melaksanakan **Kursus Pengurusan Emosi** kepada guru disiplin;
5. Kempen menerusi media massa seperti **Media Radio digunakan** (Era FM, Sinar FM, X-fresh FM, Hot FM, KL FM dan Klasik FM);
6. Menyediakan '**Poster Anti Ponteng**', '**Poster Anti Buli**' dan '**Poster Pencegahan Seks Bebas**';
7. Melaksanakan Program Rintis ***Sistem Merit Demerit***,
8. Menggerakkan **Pasukan Petugas Anti Ponteng**. Program ini akan dimantapkan lagi menerusi **Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD)**;
9. Menggerakkan **program keibubapaan kepada anggota PIBG**;

10. Menggerakkan **program khas bersama PDRM di setiap negeri**; dan
11. Pelaksanaan rintis program Piawaian Keselamatan Sekolah dengan menfokuskan kepada lima aspek iaitu Pengurusan Aktiviti Murid, Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Krisis dan Bencana, Pengurusan Keselamatan Infrastruktur Sekolah, Pengurusan Keselamatan Dalam Menangani Gejala Sosial dan Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Risiko.

KPM berharap semua langkah yang diambil dapat menangani masalah disiplin yang berlaku. Namun kerjasama dari pelbagai pihak amat diperlukan dalam memastikan masalah disiplin ini dapat dibendung

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH**
[PUTATAN]

TARIKH JAWAPAN : **10 NOVEMBER 2009 (SELASA)**
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : **NO. 15**

SOALAN

YB. Datuk Dr. Marcus Mojigoh minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air menyatakan :-

- (a) langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah bekalan elektrik di negeri Sabah; dan
- (b) mengapa penjanaan kuasa dengan menggunakan kuasa gas asli atau sumber lain selain arang batu tidak diwujudkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kerajaan sentiasa prihatin dan memandang berat akan masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengatasinya. Sebagai langkah serta-merta, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM78 juta bagi pembelian 60 set generator dengan kapasiti 1MW setiap satu untuk ditempatkan di kawasan-kawasan yang kerap mengalami

gangguan bekalan elektrik. 20 set telah pun mula beroperasi bermula April 2009 manakala baki 40 set lagi akan dipasang secara berperingkat sebelum akhir tahun ini.

Langkah jangka pendek yang sedang diambil termasuklah kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikpulihan set-set jana kuasa sedia ada yang dilaksanakan oleh Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dengan tambahan kapasiti sebanyak 147.5 MW menjelang Disember 2009. Selain daripada itu, projek loji jana kuasa berasaskan gas oleh Syarikat Ranhill Powertron II di Kota Kinabalu Industrial Park dijangka akan mula beroperasi pada awal Januari 2010 dan menambah kapasiti sebanyak 190MW pada Oktober 2010.

Bagi langkah jangka masa sederhana pula, tumpuan diberikan untuk menggantikan loji-loji jana kuasa diesel yang telah uzur dan tidak lagi berdaya harap. Selain itu, kerja-kerja bagi menaik taraf sistem penghantaran dan pengagihan juga dijalankan di bawah RMKe-9. Sementara itu, bagi langkah jangka masa panjang, perancangan yang dilaksanakan termasuk memaksimumkan potensi sedia ada di Sabah termasuk hidro dan sumber tenaga boleh diperbaharu bagi menjamin keseimbangan dan kepelbagaian campuran tenaga.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah di atas, Kerajaan berharap masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah akan dapat diatasi bagi memastikan penduduk di negeri Sabah akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik yang lebih selesa dan berdaya harap pada masa akan datang.

(b) Berhubung pelaksanaan loji jana kuasa berasaskan sumber bahan api lain selain dari arang batu, seperti yang telah diperjelaskan berulang kali di dewan yang mulia ini, masalah bahan api di kawasan Pantai Timur Sabah menjadikan pembinaan loji jana kuasa berasaskan arang batu pilihan terbaik bagi mengatasi masalah bekalan elektrik yang tidak mencukupi di kawasan terbabit. Sungguhpun ramai berpendapat bahawa penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharu berpotensi dijadikan sebagai alternatif penjanaan, ingin diperjelaskan di sini bahawa teknologi sedia ada, tenaga boleh diperbaharu hanya berupaya menjana tenaga elektrik dalam skala yang kecil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila Skim Pembiayaan Kesihatan akan dilaksanakan setelah kajian dilakukan sejak tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua,

Mekanisme pembiayaan kesihatan yang bersesuaian untuk negara bagi memberikan liputan perlindungan yang menyeluruh untuk semua golongan masyarakat, masih dalam peringkat perbincangan dan penelitian rapi. Penampilan dan perancangan skim pembiayaan kesihatan adalah amat kompleks dan serius. Banyak perkara perlu dikaji dengan teliti sebelum dilaksanakan. Di antara perkara ini ialah isu kesaksamaan (*equity*), penggunaan wang pembiayaan dengan efisien (*efficiency*), cara pembiayaan yang tidak memudaratkan rakyat, peningkatan kualiti khidmat kesihatan yang dibiayai dan hubungkait rekabentuk sistem pembiayaan dengan sistem penyampaian penjagaan kesihatan.

Skim pembiayaan kesihatan yang distrukturkan semula mesti digabungkan dengan penstrukturan semula sistem kesihatan negara supaya lebih berkesan dan menambahkan faedah kepada rakyat. Ini akan membawa sistem kesihatan Malaysia ke arah penyampaian dan pembiayaan kesihatan yang setaraf dengan negara maju selaras dengan usaha murni kerajaan untuk melonjakkan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi. Sistem penyampaian penjagaan yang mengintegrasikan tenaga kerja dan tenaga mahir dari sektor awam dan swasta juga sedang dirancang dan dipertimbangkan dari semua aspek yang relevan.

Kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Pusat, Perunding Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Perunding tempatan juga sedang menjalankan kajian seperti analisa risiko, implikasi kewangan jangka panjang dan mendapatkan pendapat serta maklumbalas dari mereka yang berkepentingan (*stakeholders*), sebagai input kepada satu model pembiayaan dan penyampaian kesihatan yang sesuai bagi Malaysia dalam tahap pembangunan negara masakini dan masa hadapan.

Penelitian rapi yang telah mengambil masa sekian lama akan memastikan tidak timbul nanti jurang dalam rawatan dan akses oleh orang ramai dan seterusnya memastikan pelaksanaan mekhanisma pembiayaan kesihatan negara ini memenuhi matlamat yang ditetapkan, antara lain bagi memberikan lebih kesaksamaan dan kebolehsampaian terhadap liputan rawatan kesihatan yang menyeluruh, bermutu tinggi, efisien dan bersepadu dengan matlamat untuk meningkatkan lagi tahap dan kualiti kesihatan rakyat.

Adalah diharapkan bahawa konsep penstrukturan semula sistem penyampaian dan pembiayaan kesihatan akan dipertimbangkan dan diterima dalam tempoh RMK-9 ini dan perancangan terperinci dibuat bagi menyediakan jalankerja untuk dilaksanakan (*blueprint for implementation*) seterusnya dibuat supaya pelaksanaan secara berperingkat boleh dijalankan dalam tempoh RMK-10 dan RMK-11 kelak.

SOALAN NO: 17 .

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
[RANAU]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN :

**DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU] MINTA MENTERI
KERJA RAYA menyatakan kesediaan Kementerian mengurangkan
selekeh jalan lebuhraya di KM 22 Pekan Ranau ke Pekan
Tamparuli kerana selekeh tersebut merbahaya dan banyak
kemalangan sudah berlaku.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah sentiasa menjalankan pemantauan di jalan dari Pekan Tamparuli ke Pekan Ranau bagi memastikan jalan tersebut disenggara dan berfungsi dengan baik. JKR Sabah juga telah menambahpasang dan menyelia tanda-tanda amaran dan tanda-tanda had laju dari masa ke semasa di selekoh-selekoh berkenaan. Ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengguna jalan dengan keadaan jalan tersebut. Had laju jalan juga telah dihadkan 60km/sejam bagi mengelakkan kemalangan.

Ingin juga dimaklumkan bahawa jalan dari Pekan Tamparuli ke Pekan Ranau tersebut merupakan jalan pergunungan (*mountain road*) dimana keadaan tanah dan geologinya adalah tidak stabil. Sehubungan dengan itu, Kementerian pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk mengurangkan selekoh di km 22 tersebut, memandangkan ianya akan melibatkan kerja-kerja pemotongan tanah, penstabilan cerun dan pembinaan struktur jambatan yang berkos tinggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
(BALIK PULAU)
TARIKH : 10.11.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap pandangan bahawa sistem pendidikan negara terlalu berorientasikan peperiksaan sehingga kurang memberi ruang kepada aspek kreativiti dan inovasi di dalam pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pendidikan di sekolah sebagaimana dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah bertujuan melahirkan murid yang seimbang dan hamonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pendidikan juga membekalkan murid dengan pengetahuan dalam bidang Sains, Matematik, Teknologi dan Sains Sosial untuk membolehkan murid dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dunia yang pesat. Ini adalah selari dengan hasrat pendidikan untuk melahirkan murid yang mampu berdaya saing, mempunyai daya tahan yang tinggi dan mempunyai jati diri sebagai rakyat Malaysia.

Transformasi kurikulum yang bermatlamatkan pembentukan diri murid untuk menjadi modal insan seimbang yang antaranya berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara, berkeperibadian mulia dan

mempunyai jati diri yang kukuh, serta mempunyai ketahanan dan boleh berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Menerusi kurikulum transformasi, elemen kreativiti dan inovasi diajar secara eksplisit kepada murid dan juga guru diberi latihan khusus mengenai kaedah mengajar murid berkreaitif berbantuan modul pengajaran.

NO: 19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
(GUA MUSANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2009

SOALAN NO. : 19

Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan sedar nilai Ringgit semakin mengucup di pasaran mengakibatkan kenaikan harga barangan begitu mendadak. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan ia tidak menjejaskan kehidupan rakyat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran, iaitu permintaan dan penawaran untuk ringgit di pasaran tukaran asing. Oleh itu, ringgit boleh menambah nilai atau menyusut mengikut keadaan pasaran.

2. Bagi tempoh akhir tahun 2008 hingga 30 Oktober 2009, ringgit telah mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau. Ringgit meningkat nilai sebanyak 2.7% berbanding yen dan 1.7% berbanding dolar AS tetapi menyusut nilai sebanyak 3.7% berbanding euro dan 11.5% berbanding paun sterling. Dalam pada itu, ringgit menambah nilai sebanyak 1.7% berbanding yuan dan menyusut nilai 1.3% berbanding dolar Singapura.

3. Perubahan kadar tukaran ringgit memberi kesan yang berbeza kepada sektor-sektor dalam ekonomi. Contohnya, hasil eksport dalam denominasi dolar AS akan bertambah dengan penyusutan nilai ringgit semasa ditukar kepada mata wang ringgit. Sebaliknya, kos import akan meningkat dengan penyusutan nilai ringgit. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi seluruh dunia telah menyederhana pada tahun 2009 berikutan kejatuhan mendadak harga komoditi minyak dan makanan daripada harga kemuncaknya pada tahun 2008 akibat kelembapan ekonomi global. Kadar inflasi Malaysia juga meningkat dengan perlahan sebanyak 0.9% bagi tempoh Januari hingga September 2009 berbanding 5.3% bagi tempoh yang sama tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kenaikan harga barangan pada tahun 2009 seperti yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna tidak begitu ketara berbanding tahun 2008. Bagi tempoh sembilan bulan pertama 2009, harga kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 5.2%. Manakala harga kumpulan pengangkutan menurun 10.1% disokong oleh langkah Kerajaan mengurangkan harga pam petrol dan diesel sebanyak tujuh kali. Sebaliknya, kadar inflasi telah menurun sejak bulan Jun 2009 dan dijangka kira-kira 1% bagi tahun 2009 berbanding 5.4% pada tahun 2008.

5. Kerajaan amat prihatin mengenai beban kos sara hidup rakyat dan telah mengambil pelbagai langkah untuk membantu rakyat seperti berikut

- Memberi subsidi untuk mengekalkan harga barang keperluan asas seperti petrol, diesel, minyak masak, beras, gula, tepung gandum dan roti;

- Menyediakan Dana Jaminan Makanan bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan bahan makanan mencukupi dalam jangka masa panjang;
- Memberi subsidi kadar elektrik sebanyak RM20 sebulan bagi isi rumah dengan bil elektrik sebanyak RM20 atau kurang;
- Menggalakkan pasar raya dan *hypermarket* mengadakan kempen menurunkan harga; dan
- Menyediakan pelbagai bantuan untuk pelajar sekolah, keluarga miskin, orang kurang upaya dan warga emas.

6. Bajet 2010 juga mengandungi beberapa langkah untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Antaranya termasuk penyediaan program latihan kemahiran dan keusahawanan; penubuhan kedai desa serta pembasmian kemiskinan bandar merangkumi golongan yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan.

7. Kerajaan akan terus memastikan kadar pertukaran ringgit adalah konsisten dengan asas-asas ekonomi yang sedia ada serta berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan dagangan utama Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan pergerakan ringgit adalah teratur dan tidak berubah secara keterlaluan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN TONY PUA KIAM WEE**
TARIKH : **10 NOVEMBER 2009 (SELASA)**
NO. SOALAN : **20**

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kedudukan projek 'MyBrain 15' di bawah konsep Universiti Apex, termasuklah jumlah peningkatan graduan berkeelayakan kedoktoran (PhD) sejak 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MyBrain15 merupakan salah satu agenda kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dengan matlamat untuk melahirkan bilangan pemegang ijazah PhD yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi agar ekonomi Malaysia akan lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Pada tahun 2008, keluaran graduan PhD di IPT tempatan ialah seramai 840 orang di mana IPTA mengeluarkan seramai 785 orang dan IPTS seramai 55 orang. Pada tahun 2007 pula bilangan graduan PhD ialah seramai 719 orang iaitu 702 orang di IPTA dan 17 orang di IPTS. Ini menunjukkan peningkatan bilangan graduan PhD seramai 121 orang atau 16.8%. Manakala enrolmen pelajar PhD di IPT tempatan pada tahun 2008 ialah seramai

13,574 orang berbanding 11,133 orang pada tahun 2007 iaitu peningkatan seramai 2,441 orang atau 22%.

Secara keseluruhannya, sehingga Jun 2009, bilangan graduan berkeelayakan PhD ialah seramai 10,872 orang. Bagi mencapai sasaran menghasilkan seramai 60,000 pemegang ijazah PhD dalam masa 15 tahun iaitu bermula dari tahun 2008 hingga 2023, pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan termasuk:-

- i. memperkenalkan skim/insentif baru untuk program-program biasiswa Ijazah Ph.D;
- ii. membangun dan melaksanakan Skim Pembantu Pengajar;
- iii. membangunkan struktur gaji baru untuk pemegang Ijazah Ph.D; dan
- iii. memperkenalkan Anugerah Sarjana Muda (*Young Scholar Award*);

Tuan Yang Di Pertua,

Accelerated Program For Excellence atau singkatannya APEX pula diwujudkan bagi meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi Negara agar setanding dengan universiti terkemuka dunia. APEX juga merupakan salah satu agenda kritikal di bawah PSPTN di mana pada masa ini dilaksanakan oleh Universiti Sains Malaysia (USM). MyBrain 15 dan APEX universiti akan bergerak seiring dan saling melengkapi bagi mencapai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi serantau.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL
KAWASAN : INDERA MAHKOTA
TARIKH : 10.11.2009 (SELASA)

TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah drastik dan efektif yang di cadang atau dirancang oleh pihak Kerajaan di dalam menghadapi pelaksanaan AFTA sepenuhnya pada tahun depan terutamanya di bidang-bidang penguasaan serta keberhasilan utama Negara agar tidak mengalami kerugian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 1 Januari 2010, negara-negara Anggota ASEAN iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand (ASEAN-6) akan merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) di mana duti import ke atas semua produk dilaksanakan sepenuhnya kecuali, sebahagian kecil bilangan produk-produk pertanian dalam senarai sensitif dimana duti import akan dikurangkan ke paras 5%.

Pada masa yang sama, negara Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam akan menurunkan duti import ke paras 0-5 peratus. Negara-negara ini akan memansuhkan duti import pada 1 Januari 2015.

Berhubung dengan pelaksanaan AFTA, Kerajaan telah mengadakan beberapa sesi perbincangan, taklimat dan seminar dengan industri tempatan bagi memaklumkan akan komitmen negara-negara ASEAN termasuk Malaysia sejak tahun 1993 secara berterusan dan supaya bersiap sedia menjelang 1 Januari 2010. Sesi-sesi sedemikian telah diadakan dengan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia serta persatuan-persatuan individu yang lain seperti Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Persatuan Pengilang Tekstil Malaysia, Persatuan Kosmetik, Dandan dan Haruman Malaysia dan industri-industri tertentu seperti besi dan keluli, simen dan plastik.

Bagi membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia atau *SME Corp.* di antara lain untuk menyalurkan bantuan kepada IKS supaya dapat menghadapi cabaran serta mengambil peluang liberalisasi duti import dan bersaing di pasaran ASEAN.

Disamping itu, satu Unit Khas di tubuhkan di Perbadana Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bagi membantu dalam aktiviti promosi semua Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) termasuk AFTA, yang telah dilaksanakan.

Tuan Yang DiPertua,

Beberapa langkah bagi menjaga Industri-Industri negara terutamanya di bidang-bidang penguasaan serta keberhasilan utama negara agar ianya dapat dilindungi juga diperkenalkan seperti:

- i. keperluan pematuhan syarat-syarat tempasal oleh negara-negara anggota ASEAN seperti yang terkandung di bawah *Operational Certification Procedures for the Rules of Origin of the Common Effective Preferential Tariff Scheme for the ASEAN Free Trade Area(OCP for RoO CEPT-AFTA)* bagi produk-produk yang diimport. Ini bermakna bahawa faedah pemansuhan dan pengurangan duti import hanya boleh dinikmati oleh negara yang eksport apabila produknya mematuhi syarat-syarat tempasal di bawah *Operational Certification Procedures* ini.
- ii. di bawah Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (*ASEAN Trade in Goods Agreement-ATIGA*), 2009 yang akan dikuatkuasakan sebelum akhir tahun ini, terdapat Bab-bab berkaitan Standard serta Sanitari dan Fitosanitari dan keperluan pematuhan oleh produk yang diimport melalui:
 - pematuhan standard mandatori untuk beberapa barangan pengilangan seperti besi, topi keledar, papan elektronik dan barangan pengilangan yang lain; dan
 - pematuhan sanitari dan fitosanitari bagi barangan pertanian yang dieksport dan Import untuk memastikan keselamatan produk pertanian tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

Negara-negara anggota ASEAN termasuk Malaysia juga mempunyai hak untuk menyemak produk-produk yang disyaki tidak mematuhi syarat tempasal untuk diadakan lawatan verifikasi. Mekanisme ini termaktub di dalam perjanjian CEPT-AFTA serta ATIGA yang menyatakan bahawa semua negara ASEAN boleh menjalankan verifikasi ke atas produk yang disyaki sebelum memberikan faedah pemansuhan atau pengurangan tarif bagi tujuan import ke dalam negara. Oleh itu, AFTA pada tahun depan akan dilaksanakan dengan pemantaun yang rapi dan teliti agar industri-industri utama negara dapat terus bersaing.

Selain itu, Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) juga mempunyai undang-undang anti-lambakan, Akta Anti-Lambakan 1993 (*Anti-Dumping Act 1993*) dan undang-undang perlindungan, Akta Pelindung 2007 (*Safeguards Act 2007*) bagi menjaga industri-industri domestik daripada mengalami kecederaan. Undang-undang ini bertujuan memberi perlindungan kepada industri tempatan daripada lambakan barangan dari luar ke dalam pasaran domestik. Mekanisme ini akan membantu industri domestik untuk dapat bersaing dengan lebih efektif dan produktif.

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah perdagangan Malaysia dengan ASEAN pada tahun 2008 adalah sebanyak RM297.59 bilion iaitu 25% daripada jumlah perdagangan Malaysia secara keseluruhan. Export yang merupakan RM171.19 bilion

melebihi import sebanyak RM126.40 billion. Adalah diharapkan supaya dengan pelaksanaan AFTA sepenuhnya, eksport negara akan semakin meningkat.

ASEAN merupakan pasaran utama eksport bagi Malaysia. Pembukaan pasaran perlu dilihat sebagai peluang bagi Malaysia terus meningkatkan eksport ke negara-negara ASEAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2009
SOALAN : 22

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilakah Kerajaan mahu mengemukakan cadangan kepada *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) untuk mengambil alih semula tanggungjawab ruang udara Laut China Selatan yang kini di bawah kuasa *Singapore Flight International Region* (FIR).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Ruang udara di Laut China Selatan merupakan ruang udara antarabangsa. Bagi ruang udara antarabangsa, *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) merupakan pihak yang mempunyai kuasa dalam menentukan dan mewakili negara ahli-ahli ICAO berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan kawalan trafik udara.

Bagi ruang udara di Laut China Selatan, ICAO telah pun mewakili perkhidmatan ini disediakan oleh Singapura sejak beberapa tahun dahulu.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED
(KUALA KRAU)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **10.11.2009**

SOALAN NO. : **23**

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed (Kuala Krau) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bebanan tanggungan kewangan bagi membekalkan air bersih ke seluruh Negara dan negeri manakah yang memberikan subsidi terbesar kemudahan bekalan air kepada rakyat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi pembangunan infrastruktur bekalan air memandangkan air merupakan keperluan asas rakyat di seluruh negara. Jumlah peruntukan untuk sektor bekalan air ini telah meningkat dari setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun ke Rancangan Malaysia yang berikutnya. Sebagai contoh, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM4,000 juta telah diperuntukan di mana jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak RM1,615 juta atau 67.7% berbanding peruntukan sebanyak RM2,385 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah peruntukan bagi sektor air terus meningkat sebanyak RM4,300 juta atau 107.5% iaitu kepada RM8,300 juta berbanding jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

2. Walaupun Kerajaan Persekutuan telah mengagihkan peruntukan yang besar, perkhidmatan bekalan air di bawah Kerajaan-kerajaan negeri masih tidak mencapai tahap perkhidmatan yang memuaskan rakyat. Oleh demikian, Kerajaan Persekutuan telah menggubal dasar penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air seluruh negara. Sehingga kinitiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Melaka telah memeterai perjanjian penstrukturan. Rundingan dengan negeri-negeri lain sedang berlangsung dan diterajui oleh Kementerian Tenaga, Teknologi, Teknologi Hijau dan Air. Pelaksanaan penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air oleh Kerajaan Persekutuan ini akan mengurangkan beban kewangan kerajaan-kerajaan Negeri di samping dapat memastikan pengurusan air yang lebih berkesan dan perkhidmatan air bersih dan berkualiti dapat diberikan kepada rakyat di masa akan datang.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, negeri yang memberikan subsidi terbesar ialah negeri Selangor iaitu sebanyak RM166.68 juta bagi tempoh Jun 2008 sehingga September 2009 untuk membiayai 20 meter padu pertama bil penggunaan air sebulan untuk semua pengguna di Selangor. Manakala negeri Perak pula telah memberikan subsidi sebanyak RM644 ribu yang diagihkan kepada pengguna yang menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Perak (MAIP) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 10.11.2009
SOALAN NO. : 24

Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah 'pemberian ikut kepala' (Perlembagaan 109(1)(a)) dana tahunan untuk tiap-tiap negeri dalam Persekutuan. Senaraikan untuk tiap-tiap negeri untuk 3 tahun kebelakangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian Ikut Kepala (*Capitation Grant*) adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri untuk menampung sebahagian dari perbelanjaan mengurus negeri.

2. Jumlah Pemberian Ikut Kepala kepada setiap negeri dalam Persekutuan untuk tempoh 3 tahun ke belakang iaitu dari tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Negeri	Tahun 2007 (RM)	Tahun 2008 (RM)	Tahun 2009 (RM)
Johor	41,049,159	41,802,831	42,572,331

Kedah	26,240,691	26,577,982	26,920,670
Kelantan	20,681,256	20,758,862	20,836,857
Melaka	13,382,176	13,488,046	13,595,399
N. Sembilan	15,840,016	15,950,236	16,061,668
Pahang	21,066,390	21,241,360	21,418,255
Perak	30,384,266	30,560,836	30,738,642
Perlis	8,389,573	8,407,250	8,425,068
P.Pinang	22,417,694	22,780,106	23,150,128
Selangor	67,661,987	70,162,066	72,762,149
Terengganu	17,291,841	17,567,165	17,857,380
Sabah	42,949,714	44,158,985	45,406,952
Sarawak	32,493,991	33,068,005	33,654,073
Jumlah	359,848,754	366,523,731	373,399,572

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
TARIKH : 10 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Dato' Seri Ong Ka Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan berhubung dengan generasi peneroka FELDA yang tidak lagi berkecimpung dalam program FELDA tetapi masih berminat untuk terus tinggal di kawasan FELDA. Adakah Kerajaan akan menimbang supaya mereka ini juga diberi milik tanah untuk membolehkan mereka mendirikan rumah dan terus tinggal di kawasan FELDA bagi melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi lain.

JAWAPAN : **Y.B. DATUK AHMAD BIN HAJI MASLAN**
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap nasib generasi peneroka FELDA terutama kepada mereka yang terus menetap di tanah rancangan. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan kemudahan Perumahan Warga FELDA (PWF) sebagai usaha menggalakkan generasi FELDA khususnya yang tergolong dalam

kumpulan berpendapatan rendah untuk terus tinggal di tanah rancangan serta berpeluang memiliki rumah kediaman sekaligus membantu pertumbuhan ekonomi di rancangan. PWF merupakan perumahan moden yang lebih teratur serta mempunyai kemudahan infrastruktur yang lebih baik. Namun begitu, pemilihan rancangan yang akan dibangunkan bergantung kepada keperluan dan permintaan terhadap rumah yang akan didirikan.

Sebanyak 14 projek Perumahan Warga FELDA (PWF) untuk generasi FELDA sedang diusahakan di seluruh negara. Sehingga kini, FELDA telah siap melaksanakan empat (4) projek perumahan membabitkan 1,357 unit di Bukit Goh, Lepar Hilir, Mempaga dan Keratong di Pahang. Pada tahun ini, FELDA merancang membangunkan sepuluh (10) lagi projek PWF di Pasak dan Sungai Sibol Johor, Triang 3, Jengka 11 dan Chini 3 di Pahang, Chiku 5 di Kelantan, Neram 1 di Terengganu, Chuping Perlis dan Raja Alias Negeri Sembilan .

Bagi memastikan generasi FELDA mampu memiliki rumah tersebut, pinjaman menerusi bank-bank tempatan disediakan. Bagi mereka yang tidak mendapat pembiayaan bank, FELDA turut menyediakan kemudahan menerusi skim sewa-beli. Melalui skim ini, generasi FELDA membayar sewa bulanan yang minimum tanpa dikenakan faedah. Apabila cukup tempohnya, penyewa akan memiliki rumah tersebut.

PWF mendapat sambutan menggalakkan di kalangan generasi FELDA. Unit rumah yang dibina ini memenuhi kehendak dan citarasa pembeli serta memberi kesan yang menggalakkan terhadap usaha mempertingkatkan

kualiti hidup generasi FELDA. Dari semasa ke semasa FELDA akan mengkaji kesesuaian kawasan-kawasan lain untuk dijadikan tapak projek perumahan. Antara kriteria pembinaan ialah lokasi, permintaan dan kedudukan kewangan semasa. Sekiranya terdapat permohonan dari kalangan generasi FELDA, pihak FELDA akan menambah lagi projek berkenaan.

Berkenaan dengan pemberian milik tanah kepada generasi FELDA, pada tahun 2006, Menteri yang bertanggungjawab tentang FELDA (YAB Perdana Menteri) telah mengumumkan akan membuka semula tanah rancangan jika Kerajaan Negeri memberikan tanah. Namun sehingga kini, masih tiada Kerajaan Negeri yang berbuat demikian. Jika ada, corak/sistem baru akan digubal dan pemberian akan dibuka kepada rakyat miskin tegar.

-----XXX-----

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 2102

SOALAN :

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a)apakah statistik penculikan anak-anak di bawah umur 18 tahun setakat 31 Disember 2009; dan

(b)apakah pencapaian polis untuk membanteras jenayah di mana anak-anak perempuan di bawah umur 18 tahun diculik dan dirogol.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Bagi menjawab soalan (a), kementerian tidak mempunyai statistik kes penculikan kanak-kanak sehingga 31 Disember 2009 seperti mana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat kerana kita masih lagi berada di bulan November 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah kes penculikan yang melibatkan mangsa yang berumur bawah 18 tahun dari tahun 2007 sehingga September 2009 adalah sebanyak 13 kes iaitu 3 kes pada tahun 2007, 4 kes pada tahun 2008 dan 6 kes dicatatkan sehingga bulan September 2009.

Bagi menjawab soalan (b), pihak polis telah berjaya menyelesaikan kesemua kes berkenaan di mana 135 orang suspek telah ditangkap. Bagi kes-kes yang telah saya nyatakan tadi, mangsa cuilik didapati tidak dirogol ataupun diserang secara seksual.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD
SADIQUE [TENGGARA]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2009

**SOALAN : MEMINTA MENTERI
PELANCONGAN menyatakan**

Nyatakan dengan jelas usaha Kerajaan mempromosikan dan menganjurkan produk pelancongan yang berkonsepkan 1 Malaysia kepada pelancong domestik dan luar negara serta nyatakan insentif yang disediakan kepada pengusaha pelancongan tempatan yang menawarkan pelancongan sedemikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan melalui agensinya Tourism Malaysia menganjurkan kempen pelancongan domestik 'Cuti-Cuti 1Malaysia' yang bertujuan untuk mempromosikan produk pelancongan domestik 1 Malaysia untuk menggalakkan budaya melancong dikalangan semua lapisan mesyarakat dan bertindak sebagai pemangkin untuk pelancong bercuti di Malaysia. Selain itu, kempen ini juga turut mempromosikan produk pelancongan 1 Malaysia melalui "Cuti-Cuti 1Malaysia Travel Fair" dimana untuk memudahkan semua lapisan

masyarakat membeli terus pakej - pakej pelancongan dalam negara dengan harga yang kompetitif dan berpatutan.

Program yang berbentuk *hardsell* atau jualan terus ini memberi peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan domestik untuk menawarkan pakej-pakej pelancongan dalam negara yang menarik kepada masyarakat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan kempen '*Cuti-Cuti 1Malaysia*' Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia juga menerbitkan brosur pakej percutian domestik yang baru dikenali dengan nama '*Xcape Holidays Packages*'. '*Xcape Holidays Packages*' dirangka sebagai satu mekanisme untuk mempromosikan pakej-pakej bersesuaian yang ditawarkan oleh pengusaha-pengusaha pelancongan mengikut tema seperti *eco-tourism*, rekreasi, pusat peranginan tanah tinggi, pulau-pulau dan sebagainya.

Kempen ini merupakan salah satu usaha promosi Tourism Malaysia untuk mempengaruhi serta menggalakkan rakyat Malaysia melancong secara terancang. Kempen '*Xcape Holidays*' juga bertindak sebagai pemangkin bagi memacu keinginan rakyat Malaysia untuk mengalami keseronokan bercuti melalui pelbagai destinasi yang ditawarkan.

Kementerian Pelancongan melalui agensinya Tourism Malaysia, telah menerapkan konsep 1 Malaysia melalui kempen pengiklanan Tourism Malaysia iaitu *Malaysia Truly Asia* yang menggambarkan pelbagai budaya dan masyarakat majmuk yang bersatu di bawah satu negara. Untuk makluman, Kementerian Pelancongan juga memperkenalkan kempen *Cuti - Cuti 1Malaysia* sebagai kempen pelancongan domestik terbaru.

Selain itu, Kementerian Pelancongan sentiasa mempromosikan produk masyarakat majmuk seperti Rumah Terbuka dalam Sambutan Perayaan Aidilfitri, Deepavali, Tahun Baru China, Tadau Ka'amatan dan Krismas sebagai produk pelancongan negara yang unik dalam setiap promosi di luar negara.

Dalam aktiviti di luar negara juga, acara seperti Promosi Makanan dan Kebudayaan oleh Tourism Malaysia sentiasa menonjolkan makanan serta aktiviti budaya pelbagai kaum mengikut kesesuaian sasaran pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengusaha pelancongan tempatan berpeluang menikmati beberapa jenis insentif sebagai galakan dalam industri pelancongan. Pengusaha-pengusaha yang mempunyai syarikat pelancongan yang mengendalikan pakej pelancongan domestik dan membawa masuk pelancong asing boleh mengemukakan permohonan bagi mendapatkan pelepasan cukai 100% daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Syarikat-syarikat pelancongan ini perlu mengendalikan pakej pelancongan domestik bagi sekurang-kurangnya 1,200 orang pelancong domestik setahun atau membawa masuk pelancong asing melebihi 500 orang melalui lawatan secara berkumpulan dalam tempoh setahun.

Kementerian Pelancongan akan mengeluarkan surat sokongan kepada LHDN setelah mengesahkan kesahihan pengendalian pakej pelancongan mengikut garis panduan yang ditetapkan dan mengesahkan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh syarikat pelancongan. Pengusaha syarikat pelancongan boleh menikmati pengecualian cukai pendapatan ini sehingga tahun taksiran 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga turut menyediakan insentif berbentuk galakan cukai pelaburan bagi industri pelancongan. Akta Penggalakan Pelaburan 1986 telah menawarkan Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance*) dan Taraf Perintis (*Pioneer Status*). Bagi Elaun Cukai Pelaburan, syarikat akan diberi pengecualian cukai atas perbelanjaan modal (*capital expenditure*) sebanyak 60% selama 5 tahun. Bagi projek pelancongan yang terletak di negeri-negeri seperti Perlis, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia,

pengusaha akan menikmati pengecualian cukai atas perbelanjaan modal sebanyak 100% dalam tempoh 5 tahun.

Syarikat yang diluluskan insentif Taraf Perintis pula akan menikmati pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% selama 5 tahun. Bagi projek pelancongan yang terletak di negeri-negeri seperti Perlis, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, pengusaha akan menikmati pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% bagi tempoh 5 tahun.

No : 28

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2009

SOALAN NO. : 28

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah criteria yang diperlukan oleh Kerajaan dalam penganugerahan lesen pengendalian takaful.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara kriteria-kriteria yang diperlukan dalam penilaian permohonan lesen pengendali takaful adalah seperti berikut :

- (i) Pemohon hendaklah sebuah institusi berwibawa yang dikawal selia atau pemegang saham institusi berwibawa yang dikawal selia; dan
- (ii) Pemohon hendaklah mempamerkan, melalui rancangan perniagaan yang menyeluruh, bahawa institusi berlesen baru yang dicadangkan seharusnya mempunyai kepakaran dan sumber yang perlu dan boleh memanfaatkan pasaran kewangan Islam global serta akan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa.

2. Rancangan perniagaan tersebut harus merangkumi perkara yang memberikan manfaat besar, yang antara lainnya merangkumi :

- (i) Bidang perniagaan khusus dengan perincian mengenai cara produk dan perkhidmatan yang akan ditawarkan dan bagaimana perkhidmatan tersebut akan mempertingkatkan kedalaman dan keluasan pasaran kewangan dalam negara;
- (ii) Iltizam untuk membangunkan kepakaran modal insan dan keperluan infrastruktur untuk operasi yang teguh di Malaysia; dan
- (iii) Rancangan mantap mengenai cara untuk memperluas operasi bagi pengembangan serantau dan antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK

TARIKH : 10 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan membenarkan syarikat-syarikat bas ekspres mengenakan surcaj 30% ke atas penumpang semasa musim Hari Raya baru-baru ini walaupun tambang bas ekspres sebenarnya telah dinaikkan sebelum ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, had kadar tambang baru bagi perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh Malaysia telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2009. Adalah tidak benar surcaj 30% dikenakan ke atas penumpang semasa musim Hari Raya baru-baru ini kerana kadar tambang yang dikenakan oleh pengusaha bas ekspres adalah berdasarkan kadar tambang baru yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, caj tambahan berjumlah RM3.00 adalah dibenarkan bagi setiap tiket **bas ekspres tambahan** bagi tempoh 16 hari dari 13 September hingga 28 September 2009 sahaja. Caj tambahan ini dikenakan bagi membantu pengusaha bas ekspres menampung kos operasi bagi mendapatkan bas-bas tambahan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB. DR. HIEW KING CHEU**
[KOTA KINABALU]
TARIKH JAWAPAN : **10 NOVEMBER 2009 (SELASA)**
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : **NO. 30**

SOALAN

YB. Dr. Hiew King Cheu minta **Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air** menyatakan sama ada Kerajaan boleh menjamin tidak ada pencemaran berbahaya daripada kuasa *proposed coal-fired* di Sahabat, Lahad Datu di Sabah. Adakah langkah-langkah positif diambil bagi mengawal potensi pencemaran dan bagaimana.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa menitik beratkan aspek-aspek kemapanan dan keseimbangan terhadap alam sekitar dalam setiap perancangan pembangunannya. Justeru, penggunaan teknologi penjanaan elektrik berasaskan arang batu di negara ini adalah berdasarkan kepada teknologi *clean coal technology* (dengan izin) yang terbukti mesra alam, di mana kadar pencemaran yang dihasilkan berada pada

atau di bawah tahap yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Kadar pencemaran ini akan dipantau secara berterusan oleh JAS bagi memastikan ianya mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Justeru, pelaksanaan Projek Loji Jana Kuasa Berasaskan Arang Batu di Felda Sahabat, Lahad Datu adalah tidak terkecuali daripada praktis ini.

Antara langkah-langkah yang akan diambil bagi meminimumkan pencemaran adalah melalui pemasangan *electrostatic precipitator* (dengan izin) iaitu sejenis perangkap habuk yang berupaya untuk memerangkap 99.7% habuk produk pembakaran dari terlepas ke udara. Di samping itu, penggunaan loji *flue gas desulphurization* (dengan izin) atau Loji Penyah Sulfur akan diguna pakai dalam operasi stesen janakuasa ini kelak bagi tujuan menyerap sulfur yang terhasil daripada pembakaran arang batu, manakala *Low Nox Burner* (dengan izin) akan digunakan bagi mengawal kandungan Nitrogen Oksida (Nox).

Sementara itu, loji ini juga akan dilengkapi dengan sistem merawat air kumbahan bagi memastikan sisa air yang dirawat memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh JAS. Begitu juga dengan pemasangan stesen-stesen pengesan kualiti udara di kawasan berdekatan penempatan penduduk supaya maklumat mengenai tahap kualiti udara dapat disalurkan secara berterusan. Maklumat ini seterusnya akan dipantau oleh JAS bagi memastikan tahap pencemaran udara berada pada paras yang telah ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
KAWASAN : KUALA SELANGOR
TARIKH : 10 NOVEMBER 2009 (SELASA)

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah konkrit bagi mengatasi kejatuhan ranking dalam 'global competitiveness', ke tangga 24 yang dianjurkan dan dilaporkan oleh 'World Economic Forum' (2009) khususnya yang disebabkan oleh masalah 'institutional framework'.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad dari Kuala Selangor.

Tuan Yang Di Pertua,

Kedudukan daya saing Malaysia seperti yang dilaporkan dalam Global Competitiveness Report (GCR) 2009-2010 yang diterbitkan oleh World Economic Forum (WEF) menurun ke tempat ke-24 daripada 133 negara berbanding tahun sebelumnya (GCR 2008-2009: ke-21).

Faktor yang menyumbang kepada penurunan kedudukan ini adalah hasil daripada penilaian yang rendah ke atas kriteria yang diukur di dalam teras Institutional Framework seperti hakcipta, perlindungan harta intelek, perlindungan pemegang saham minoriti, ancaman keganasan, dan jenayah yang dianggap memberi impak yang signifikan terhadap kos menjalankan peniagaan.

Secara keseluruhannya, laporan GCR 2009-2010 menunjukkan Malaysia berjaya mengekalkan kedudukannya di dalam sukuan pertama (first quartile). Dua puluh tiga buah negara yang mengatasi kedudukan Malaysia adalah merupakan negara-negara maju dengan KDNK per kapita yang tinggi seperti Switzerland, Amerika Syarikat, Sweden, Denmark, Finland, Jerman, Jepun, Kanada, Belanda, Hong Kong, Taiwan, United Kingdom, Norway, Australia, Perancis, Austria, Belgium, Korea, New Zealand, Luxembourg, Qatar dan juga Emiriah Arab Bersatu. Malaysia di tempat ke-24 selepas negara-negara tersebut.

Ingin dimaklumkan sepanjang lima tahun yang lepas, Malaysia telah berjaya mengekalkan kedudukannya di kalangan 25 negara yang paling berdaya saing. Di kalangan negara Asia Pasifik pula, Malaysia berada di kedudukan ke-8 berbanding 22 negara lain mengatasi China, Thailand, India, Indonesia, Filipina dan Pakistan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau prestasi daya saing negara dan mengambil langkah-langkah ke arah mempertingkatkan lagi daya saing dari masa ke masa. Dalam situasi sekarang, Kerajaan akan terus menggiatkan usaha ke arah meningkatkan daya saing negara melalui langkah-langkah berikut:-

- i. Kerajaan akan terus mengadakan inisiatif-inisiatif yang akan membantu serta memblimbing sektor awam dan swasta dalam pelbagai isu bagi memastikan Malaysia terus berdaya saing melalui agensi-agensi yang berkaitan seperti MPC. Usaha-usaha yang akan dijalankan oleh MPC termasuklah menganjurkan seminar, persidangan dan program-program melalui 12 Panel Perunding bagi memastikan maklumat mengenai daya saing negara dapat disalurkan kepada komuniti perniagaan dan awam khususnya;

- ii. Menjalankan usahasama dengan agensi-agensi pusat dan agensi-agensi yang berkaitan untuk mengenengahkan penambahbaikan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada Kerajaan;
- iii. Meneruskan penglibatan dengan badan-badan penarafan antarabangsa seperti Bank Dunia, WEF serta IMD bagi tujuan berkongsi amalan-amalan terbaik daripada negara-negara maju;
- iv. Menghasilkan lebih banyak penerbitan seperti buku panduan, newsletters dan bahan rujukan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat awam terhadap isu daya saing negara dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan;
- v. Kerajaan juga telah meliberalisasikan 27 sub-sektor perkhidmatan dan proses liberalisasi tersebut akan diteruskan untuk memastikan Industri Perkhidmatan terus membangun;
- vi. Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) akan memastikan pencapaian enam teras iaitu mengurangkan lenayah, ketelusan perolehan kerajaan, peruntukan yang tinggi untuk Infrastruktur, membasmi kemiskinan, memperluaskan pendidikan

pra-sekolah dan mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang;

- vii. Selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah, beberapa langkah telah diambil oleh pihak berkuasa polis di kawasan yang sering berlaku kejadian jenayah bagi memastikan pemantauan anggota polis yang lebih kerap bagi mencegah kes jenayah dan kekejaman. Aktiviti Rukun Tetangga, RakanCop, Pondok Bit (*community beat*) turut dipergiatkan semula oleh penduduk dan sukarelawan;
- viii. Untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan kerajaan, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) akan terus melaksanakan pelbagai pembaharuan dan menyalurkan maklumat mengenai pembaharuan-pembaharuan ini kepada komuniti perniagaan dan awam;
- ix. Selain daripada itu, bagi mempergiatkan lagi pelaksanaan e-kerajaan untuk meningkatkan kecekapan, kepantasan, kualiti, keselamatan serta perkhidmatan yang mesra pengguna, projek eKL dilaksanakan. Apabila projek perintis ini dilaksanakan sepenuhnya di Kuala Lumpur pada tahun 2010 hanya akan dijadikan sebagai contoh dan tandaaras bagi negeri-negeri lain;

dan

- x. **Selari dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi, kerajaan memberi penekanan kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti dan inovasi sepertimana yang telah dilaksanakan oleh negara-negara Asia berpendapatan tinggi seperti Korea Selatan, Hong Kong, Singapura dan Taiwan.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan selain sumbangan hospital Kerajaan, bagaimanakah pula sumbangan hospital dan klinik swasta dalam membendung wabak H1N1 dan nyatakan kes yang dirujuk dan dirawat di kedua-dua sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan pengamal perubatan swasta, baik di klinik ataupun di hospital, semasa pandemik H1N1 adalah membanggakan dimana mereka ini telah sama-sama membantu Kementerian Kesihatan untuk memberi rawatan sewajarnya kepada pesakit-pesakit termasuklah kes-kes yang disyaki selsema (influenza-like illness - ILI). Kementerian telah membentuk garis panduan pengurusan pesakit H1N1 yang boleh digunakan oleh semua pengamal perubatan kerajaan dan swasta. Sehubungan dengan itu juga pengamal perubatan swasta telah dibenarkan merawat pesakit yang disyaki H1N1 dan mempunyai faktor risiko atau mereka yang mempunyai demam berterusan melebihi 48 jam untuk diberi ubat anti-viral tanpa menjalani ujian pengesahan H1N1. Bagi kes-kes yang teruk dan berkomplikasi, mereka adalah diminta untuk merujuk pesakit dengan serta-merta ke hospital kerajaan untuk rawatan lanjut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM
A/L SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH : 10 NOVEMBER (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab-sebab Kerajaan untuk tidak memulakan pembinaan jambatan ke tiga di bandar Klang yang telah lama dirancang dan bilakah projek ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedar akan kepentingan pembinaan jambatan ke tiga di bandar Klang tersebut bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar Klang. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) memandangkan peruntukan yang tidak mencukupi. Namun begitu, cadangan projek ini akan dikemukakan semula kepada Agensi Pusat untuk dipertimbangkan pelaksanaannya.

Kementerian Kerja Raya sememangnya peka dengan masalah kesesakan trafik di pusat bandar Klang dan telah mengenal pasti alternatif lain bagi mengurangkan masalah kesesakan iaitu dengan menaik taraf jalan utama sedia ada yang telah mencapai had kapasiti. Bagi tujuan ini, kementerian telah melaksanakan Projek Menaiktaraf Jalan FT5 dari Kapar ke Klang (Fasa 3). Projek ini dijadualkan siap pada 10 September 2010 dan dijangka aliran trafik di bandar Klang akan lebih lancar dengan siapnya projek ini.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : JAWAB LISAN
- DARIPADA** : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]
- TARIKH** : 10 NOVEMBER 2009 [SELASA]
- SOALAN** : Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sebab Kerajaan mewajibkan penggunaan kotak ikan insulasi daripada MAJUIKAN yang berkos 5-7 kali lebih daripada kotak sedia kala. Adakah Kerajaan merancang untuk menghapuskan monopoli MAJUIKAN menjual kotak ikan insulasi bagi membolehkan harga kompetitif. Jika tidak, nyatakan sebabnya.
- JAWAPAN** : Oleh Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah membuka tawaran pengeluaran Kotak Ikan Berinsulasi *Food Grade* (KIBFG) yang perlu menepati spesifikasi yang ditetapkan oleh LKIM sebagaimana termaktub dalam Warta Kerajaan [P.U (B) 241/2006] pada 21 September 2006.

Hasil daripada sebutharga yang diterima, 2 syarikat telah memberikan harga yang kompetitif dan dilantik bagi

mengeluarkan KIBFG. Ini bermakna pada masa ini, 3 syarikat telah mengeluarkan KIBFG.

LKIM telah melantik KF Marketing Sdn. Bhd sebagai pengedar tunggal yang mana pemegang saham syarikat ini terdiri daripada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Maju Ikan Sendirian Berhad (MSB) dan Persatuan Nelayan Negeri. KF Marketing Sdn. Bhd. dilantik sebagai pengedar tunggal bertujuan supaya harga, kualiti dan kepatuhan terhadap spesifikasi yang ditetapkan dapat dipatuhi oleh pengeluar KIBFG yang dilantik dan juga mendapat Pensijilan SIRIM.

LKIM telah mengambil inisiatif bagi membantu pengimport dan agen pengangkutan ikan membeli KIBFG dengan pemberian insentif melalui pengurangan caj perkhidmatan ikan import yang mana akan membantu pengimport dan agen pengangkutan ikan menyerap kos pembelian KIBFG.

Bermula pada 1 November 2009, pemberian insentif melalui pengurangan caj perkhidmatan ikan import sebanyak 2 sen sekilogram telah mula dilaksanakan dan hanya akan dinikmati oleh pengimport yang menggunakan KIBFG selama 12 bulan.

Ini bermakna, pengimport yang menggunakan KIBFG bagi mengimport ikan hanya akan dikenakan caj perkhidmatan ikan import sebanyak 3 sen sekilogram dan bagi pihak yang masih menggunakan bekas ikan biasa, mereka perlu menjelaskan caj perkhidmatan import ikan pada kadar biasa iaitu 5 sen sekilogram.

Penguatkuasaan sepenuhnya penggunaan KIBFG akan hanya dilaksanakan 4 bulan selepas pemberian insentif dilaksanakan iaitu pada 1 Mac 2010.

Dalam tempoh perlaksanaan pemberian insentif selama setahun, penjimatan caj yang diperolehi oleh seorang pengimport dikirakan mampu menampung kos pembelian KIBFG yang diperlukan malahan masih mendapat lebih selepas perolehan KIBFG.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[Pendang]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah yang dimaksudkan dan dikategorikan sebagai dokumen OSA dan tujuan ianya dikategorikan di dalam dokumen OSA berkenaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABD AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan yang Dipertua,

Buat pengetahuan Ahli Yang Berhormat, yang dimaksudkan sebagai dokumen Akta Rahsia Rasmi (Official Secret Act (OSA)

ialah dokumen yang menepati tafsiran rahsia rasmi di bawah seksyen 2

Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) iaitu:

“rahsia rasmi” ertinya apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad”, mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B;

Di samping itu, yang dimaksudkan sebagai Dokumen OSA juga meliputi surat rasmi bagi apa-apa maksud kepada keselamatan dan kepentingan Malaysia di bawah seksyen 9(2) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).

Tujuan ia dikategorikan di dalam dokumen OSA ialah untuk memelihara rahsia rasmi dan dokumen rasmi yang mempunyai kepentingan keselamatan Negara daripada jatuh ke tangan orang-orang yang tidak dibenarkan dan dikelaskan mengikut peraturan yang terkandung dalam Buku Arahan Keselamatan Kerajaan. Ia juga bertujuan untuk mencegah kelalaian yang bersalahan, iaitu satu kesalahan jenayah dan juga untuk menghalang apa-apa bantuan haram yang sengaja diberikan kepada pihak lain termasuk agensi Negara asing atau subversif.

Suratan dikategorikan di bawah OSA adalah mengandungi maklumat sensitif dan aksesnya dihadkan kepada orang tertentu bagi mengelakkan daripada terdedah dan boleh membawa implikasi yang amat besar kepada Malaysia, membahayakan keselamatan Negara, memberikan keuntungan besar kepada sesebuah kuasa asing, memudaratkan kepentingan atau martabat Malaysia atau kegiatan Kerajaan atau orang perseorangan atau menyebabkan kesusahan kepada pentadbiran.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN DING KUONG HIING
[SARIKEI]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN :

**Y.B. TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI] MINTA MENTERI
KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian masih
meneruskan dan menyemak balik cadangan penambahbaikan
Jalan di Sempadan Betong-Sarikei ke Simpang Jalan Bulat, Sarikei
sepanjang 17.5 kilometer seperti yang dicadangkan di bawah
RMKe-9.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan semula cadangan menaiktaraf jalan sepanjang 17.4 kilometer ke tahap JKR R5 dengan kos projek sebanyak RM88.88 juta kepada Agensi Pusat untuk dilaksanakan semasa kajian separuh penggal RMKe-9. Walau bagaimanapun, cadangan projek telah tidak dipertimbangkan pada masa itu. Kementerian akan memohon projek ini semula untuk dilaksanakan di bawah RMKe-10 kelak, demi untuk meningkatkan keselamatan serta keselesaan pengguna-pengguna jalanraya.

NO: 37.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR
(TUMPAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2009

SOALAN NO. : 37

Dato' Kamarudin bin Jaafar (Tumpat) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan wakil-wakil Kementerian dalam syarikat-syarikat Kerajaan dapat berfungsi dengan berkesan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara usaha Kerajaan bagi memastikan wakil-wakil Kementerian dalam syarikat-syarikat Kerajaan dapat berfungsi dengan berkesan adalah seperti berikut :

- (i) Pelantikan seseorang individu sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dalam syarikat-syarikat Kerajaan terutamanya sebagai wakil Kerajaan adalah dibuat berdasarkan kepada merit, pengalaman dan kepakaran khusus individu bagi memastikan ALP tersebut dapat menyumbang kepada hala tuju dan matlamat syarikat berkenaan.

- (ii) Penglibatan ALP wakil Kementerian dalam menentukan hala tuju pengurusan syarikat tersebut adalah kaedah penting bagi memastikan Kerajaan menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemegang saham yang aktif. Dalam perkara ini, mekanisme sokongan yang sistematik disediakan kepada semua ALP lantikannya melalui dokumentasi maklumat tambahan yang berkaitan serta memberikan perspektif yang lebih baik mengenai syarikat berkenaan. Ini bagi membantu dan memastikan ALP mampu melaksanakan pemantauan ke atas perjalanan syarikat dengan lebih cekap dan berkesan.

- (iii) Selain dari kursus mandatori yang perlu dihadiri oleh setiap ALP di syarikat tersenarai, pihak Kementerian turut menganjurkan kursus khas untuk ALP wakil Kementerian dalam syarikat Kerajaan secara berkala. Kursus ini dianjurkan dengan kerjasama agensi luar seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi memastikan ALP sentiasa *up to date* mengenai keperluan pihak berkuasa serta sentiasa peka mengenai tanggungjawab dan fungsi sebagai ALP syarikat.

2. Selain daripada itu, susulan kepada Program Transformasi GLC yang dilancarkan pada Mei 2004, buku Hijau telah diterbitkan pada April 2006, yang mana menekankan tentang keberkesanan Lembaga Pengarah dalam syarikat GLC. Di antara perkara yang ditekankan adalah Lembaga Pengarah syarikat perlu membuat penilaian pada setiap akhir tahun mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah tersebut dan sekiranya perlu, membangunkan *actionable improvement* program. Penilaian tersebut boleh dilakukan sendiri oleh Lembaga Pengarah ataupun dengan melantik pihak luar. Laporan penilaian tersebut perlu dikemukakan kepada

pemegang sahamnya, yang mana akan dilaporkan kepada *Putrajaya Committee on GLC of High Performance*, badan yang bertanggungjawab menyelia dan memantau Program Transformasi GLC ini.